Secara biologi, hampir semua ibu mampu menyusui bayi, dan hanya segelintir sahaja mempunyai masalah perubatan yang menghadkan penyusuan (Stanescu et al., 2019) Namun begitu, praktis penyusuan susu ibu dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti latar belakang individu, sosioekonomi dan budaya (Shohaimi et al., 2022). Sikap ibu yang dipengaruhi oleh budaya, faktor ekonomi memberi kesan terhadap praktis penyusuan susu ibu (Cattaneo, 2012).

Beberapa situasi membataskan ibu menyusukan bayi terutama apabila berhadapan dengan persepsi dan stigma masyarakat yang menyebabkan ibu merasa tidak selesa dan malu untuk menyusu bayi di tempat awam (Coomson & Aryeetey, 2018). Dalam sesetengah keadaan, terdapat juga ibu yang terpaksa melakukan urusan rasmi di luar rumah seperti bekerja atau urusan bukan rasmi seperti membeli belah, dan melakukan urusan rasmi dengan agensi kerajaan dan swasta bagi mendapatkan perkhidmatan (Hassan & Musa, 2014).

Faktor ibu yang memberi kesan negatif terhadap penyusuan apabila ibu mendapat jangkitan selepas bersalin, bekerja sepenuh masa, cuti bersalin yang singkat, persepsi merasakan susu tidak mencukupi, sejarah penggunaan ubatan untuk masalah medikal dan usia ibu yang meningkat. (Maharlouei, et al., 2018). Selain itu terdapat ibu yang memberi alasan untuk tidak meneruskan penyusuan kerana menyusui bayi menyebabkan mereka merasa letih, sakit semasa menyusu, rasa tidak selesa yang mengganggu gaya hidup dan penampilan diri (Brown, Rance, & Bennett, 2016). Oleh kerana itu, adalah penting untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi praktis penyusuan dan bagaimana faktor tersebut mempengaruhi penyusuan. Justeru, ianya boleh membantu dalam merancang intervensi yang bersesuaian dan berkesan (Hector, 2005).

Isu pekerjaan menjadi sebab utama mengapa ibu berkerjaya tidak menyusui bayi atau menghentikan penyusuan lebih awal. Keadaan ini telah dibuktikan dengan aduan ibu terhadap kurangnya praktis dan kekerapan penyusuan semasa bekerja (Spitzmueller et.al, 2016) yang disebabkan oleh faktor pekerjaan yang mengganggu proses penyusuan seperti waktu rehat yang terhad, tiada bilik untuk memerah susu dan cuti bersalin yang pendek (Abekah-Nkrumah et al, 2020). Keadaan ini menyebabkan ibu yang merancang untuk kembali bekerja selepas melahirkan bayi kurang cenderung untuk meneruskan penyusuan susu ibu secara eksklusif (Dun-Dery & Laar, 2016, Draman, Mohamad, Yusoff, & Muhamad, 2017).

Seksyen 37 Akta Pekerjaan Malaysia 1955, menyatakan bahawa, ibu yang bertugas di sektor swasta berhak mendapat cuti bersalin selama 60 hari, berbeza dengan penjawat awam, yang berhak membuat pilihan cuti bersalin 90 hari (JPA.Saraan 223/5/4-3 Jld. 3). Cuti bersalin yang pendek menjadi salah satu cabaran bagi ibu bekerja untuk

mengamalkan penyusuan secara eksklusif (Abekah-Nkrumah et al, 2020). Oleh sebab itu, isu pekerjaan menjadi faktor utama untuk ibu bekerja tidak mengamalkan penyusuan secara eksklusif.

Fakta membuktikan bahawa penyusuan susu ibu dapat diteruskan apabila ibu kembali bekerja sekiranya majikan menyediakan kemudahan seperti tempat penjagaan anak, bilik penyusuan atau perahan dan tempat penyimpanan susu perahan (Rollins, et al., 2016). Pihak majikan yang menyediakan kemudahan penyusuan di tempat kerja bagi ibu yang menyusukan bayi dapat mengurangkan ketidakhadiran dan meningkatkan prestasi, komitmen, dan berupaya mengekalkan tenaga kerja (Wasser, et al 2013). Selain itu, adalah penting meningkatkan tahap kesedaran ibu terhadap kepentingan penyusuan secara eksklusif dengan mengatasi rasa malu, kekangan masa serta kekangan sosial yang menjadi halangan biasa terhadap praktis penyusuan (Darweesh et al., 2016). Seterusnya adalah penting mengenalpasti dan memahami faktor penyebab kenapa ibu tidak dapat meneruskan penyusuan secara eksklusif jika kita ingin merancang sokongan penyusuan yang melibatkan faktor emosi dan fizikal (Brown, Rance, & Bennett, 2016).

Pelbagai usaha telah dilakukan dalam meningkatkan praktis penyusuan susu ibu secara eksklusif di Malaysia, iaitu dengan menyedari cabaran penyusuan yang dihadapi terutama oleh ibu bekerja. Berpegang kepada polisi penyusuan susu ibu kebangsaan yang menyatakan bahawa, “Semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan susu ibu sahaja dari lahir sehingga berumur enam bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur dua tahun” sebagai usaha untuk memastikan setiap bayi yang lahir diberi susu ibu sahaja dari lahir sehingga umurnya mencapai enam bulan. Oleh itu, pelbagai strategi telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (non-governmental organization - NGO)

dalam mempromosikan penyusuan susu ibu, antaranya adalah melalui pendekatan secara bersemuka dan pendekatan menggunakan kemudahan teknologi maklumat (Sinha, et, al 2015).

Sokongan penyusuan susu ibu seharusnya bermula semasa hamil, iaitu dengan mengadakan kelas antenatal bagi membantu mewujudkan niat penyusuan dalam kalangan ibu. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melaksanakan inisiatif hospital rakan bayi (Baby-friendly Hospital Initiative) yang bertujuan menyokong ibu dalam penyusuan secara eksklusif (Tengku Alina, Manan, & Mohd Isa, 2013). Kadar penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja dapat ditingkatkan secara signifikan melalui sokongan aktif dari keluarga, kawan, majikan, klinik komuniti, kaki tangan kesihatan dengan mempraktikkan polisi penyusuan yang dijalankan (CDC, 2012). Fakta terbaru menerangkan bahawa, pentingnya peranan pasangan dan keluarga terdekat dalam memberi sokongan terutama bagi ibu yang berhadapan dengan cabaran fizikal dan mental semasa penyusuan (Brown, Rance, & Bennett, 2016) kerana mereka merupakan individu yang mempunyai hubungan paling rapat dengan ibu.

Petugas kesihatan juga bertanggungjawab dalam membentuk sistem sokongan penyusuan dalam tempoh antenatal, semasa kelahiran bayi, semasa tempoh berpantang serta semasa ujian saringan bayi baru lahir dan semasa temu janji imunisasi dijadualkan (DeAlmeida, et.al., 2015). Mereka memainkan peranan penting dalam mempengaruhi dan menyokong penyusuan susu ibu, terutama apabila ibu berhadapan dengan cabaran penyusuan (Flagg, Balbier & Blakey, 2016).

Pelaksanaan Klinik Rakan Bayi (KRB) adalah salah satu usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mempromosi, melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu di premis kesihatan yang memberikan perkhidmatan kesihatan kepada ibu dan anak iaitu (Klinik Kesihatan (KK), Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa) di seluruh negara. Antara aktiviti yang dilakukan ialah melalui pendidikan kesihatan penyusuan semasa sesi klinik antenatal, mengadakan kelas antenatal, mewujudkan kumpulan sokongan penyusuan, dan kumpulan rakan sokongan.

Pelbagai medium digunakan dalam mempromosikan penyusuan susu ibu, antaranya adalah melalui kumpulan kaunseling penyusuan (Sharma, 2014) kumpulan sokongan penyusuan, yang sama-sama memberi sokongan antara ibu-ibu yang menyusu (Isabel et al, 2020), sokongan rakan sebaya, kaunseling atau memberi pendidikan secara individu melalui lawatan ke rumah atau dengan menelefon ahli keluarga terdekat supaya memberi sokongan kepada ibu (Sinha et al, 2015).

Penyampaian maklumat mengenai penyusuan menggunakan teknologi dalam talian diperkenalkan melalui media sosial seperti media massa atau media komunikasi kepada ibu (Sinha, et, al 2015). Antaranya adalah kumpulan sokongan dalam facebook (Bridges, Howell, & Schmied, 2018, Robinson et al.) dan tayangan video (Sharma, 2014). Oleh itu, Darweesh et al. (2016) mencadangkan supaya media massa digunakan sebagai medium dalam kempen kesihatan yang mana memberi fokus kepada populasi yang telah dikenal pasti.

Kajian intervensi berasaskan komuniti oleh van Dellen et al. (2019) membuktikan bahawa pendidikan dan kaunseling secara berkelompok dan secara mobilisasi sosial, dengan atau

tanpa media massa, menunjukkan kesan yang efektif sebanyak 80% dalam meningkatkan permulaan praktis penyusuan susu ibu dan 20% untuk penyusuan secara eksklusif. Kajian tersebut mendapati media sosial mempunyai kesan yang besar terhadap penyusuan awal. Oleh itu, beliau mencadangkan perlunya kajian terhadap media sosial dalam mempromosi penyusuan susu ibu memandangkan penggunaannya yang meluas dan berkesan dalam menyampaikan maklumat.

Penggunaan alat teknologi mudah alih yang terdiri daripada telefon pintar (*smart phone* dan *tablet*) (Trexler, 2007; Bindhim, Hawkey & Trevena, 2015) yang dilengkapi dengan perisian aplikasi membolehkan segala maklumat yang dikehendaki dimuat turun melalui teknik aplikasi mudah alih menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat. Penggunaan alat teknologi ini juga diguna untuk tujuan perniagaan, pendidikan, komunikasi, gaya hidup, pengiklanan, bersantai, berhibur dan permainan digital (Rosul, 2020). Penggunaan kaedah apps sebagai kaedah sokongan penyusuan memberi kesan positif dalam menyampaikan maklumat penyusuan (Balogun, et al., 2016; Schindler-Ruwisch, et al. 2018) kerana maklumat boleh disampaikan dengan jelas dalam bentuk teks, grafik, video dan audio (Aldoobie, 2015). Justeru, kaedah penyampaian maklumat menggunakan aplikasi mudah alih dijangka mampu mengatasi masalah kekangan masa ibu bekeja, meningkatkan motivasi dan minat ibu untuk mempelajari teknik penyusuan susu ibu.

Kajian di Malaysia membuktikan aplikasi mudah alih mampu berkembang dan mempunyai prestasi yang baik dan menyediakan maklumat dalam pelbagai bidang seperti maklumat panduan solat dan penggunaannya (Manaf et al., 2015), maklumat geografi bagi penjagaan kesihatan orang kurang upaya (Abdul Rasam et al., 2020), maklumat berkaitan

cuaca dan amaran awal tentang kemungkinan berlakunya fenomena cuaca buruk, memantau kandungan atmosfera di Malaysia dalam aplikasi MyCuaca (Jusoh et Al., 2021).

Kemajuan dalam sistem teknologi terkini menjadikan penggunaan aplikasi mudah alih mampu mengekalkan pencapaian dan prestasi yang baik sejajar dengan keperluan semasa. Kaedah ini mampu menyokong pengajaran dan pembelajaran kepada generasi Z yang memerlukan rangsangan berbentuk teknologi dan kini ianya dijadikan sebagai alat bantu mengajar moden, disenangi dan diterima oleh generasi Z (Nayan, et al., 2020). Penggunaan dan penerimaan terhadap apps yang semakin meningkat pada masa kini membolehkannya digunakan sebagai platform pembelajaran sebagai sumber sokongan dalam meningkatkan penyampaian serta pengurusan pendidikan kepada pengajar, pelajar dan mereka yang terlibat.

Oleh itu kelestarian penggunaan apps dibuktikan dengan pertandingan Inovasi Pembangunan Aplikasi Mobile Apps 2021 peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) untuk menarik minat generasi muda mempertingkatkan kemahiran dalam bidang digital. Reka bentuk yang mampan yang mengambil kira aspek mesra pengguna seperti memaparkan maklumat segera dalam masa yang singkat (Nayan, et al., 2020), tanpa had masa tempat dan kekerapan untuk mengakses maklumat (Rita Surianee, et al., 2020).

1.2 Pernyataan masalah

Walaupun banyak penyelidik telah mengenalpasti faktor penghalang praktis penyusuan secara eksklusif, beberapa kajian juga mendapati faktor pekerjaan menjadi isu utama kegagalan praktis penyusuan secara eksklusif (Aikawa et al., 2015; Altamimi et al., 2017; Bai et al., 2015; Cripe, 2017; Khaliq et al., 2017). Terdapat kajian menunjukkan, pengetahuan mengenai manfaat penyusuan adalah memuaskan. Namun begitu, masih wujud pelbagai halangan dalam mengamalkan penyusuan secara eksklusif terutama apabila ibu kembali bekerja (Elmougy et al., 2018; Draman et al., 2017; Dun-Dery & Laar, 2016).

Segelintir ibu merasakan penyusuan itu sesuatu yang sukar dan menyakitkan apabila mengalami masalah penyusuan selepas bersalin seperti puting pendek dan leper, rasa sakit ketika bayi menyusu, bengkak payudara, puting melecet dan luka dan jangkitan mastitis dan terdapat ibu yang mengatakan tidak mempunyai pengetahuan berkaitan menyusuan serta risau penghasilan susu tidak mencukupi untuk bayi (Karaçam & Sağlık, 2018). Keadaan ini menjadi satu isyarat penting yang harus diambil kira kerana faktor tersebut mempengaruhi persepsi negatif terhadap tempoh penyusuan susu ibu serta memberi kesan terhadap keberkesanan penyusuan secara eksklusif (Powell, Davis, & Anderson, 2014; Swerts et al., 2016)). Oleh itu amat penting maklumat berkaitan masalah penyusuan susu ibu dan intervensi yang perlu dilakukan untuk mengatasi atau mengurangkan masalah tersebut

Majoriti ibu bekerja menyatakan bahawa mereka terpaksa berhadapan dengan cabaran seperti komitmen kerja dan konflik pekerjaan (Al-Darweesh et al., 2016; Dun-Dery & Laar, 2016) yang mana pada masa yang sama, ibu terpaksa membahagikan masa antara tugas rasmi pejabat dan melakukan perahan susu (Hassan & Musa, 2014). Persekitaran tempat kerja yang tidak menyokong untuk ibu menyusui (Ratnayake & Rowel, 2018), seperti kurang sokongan majikan serta masa rehat yang singkat. Tambahan juga kemudahan penyusuan di tempat kerja yang kurang memberangsangkan (Dun-Dery, & Laar, 2016; Al-Darweesh et al. 2016) seperti tiada bilik untuk ibu melakukan perahan susu, peti sejuk untuk simpanan susu perahan dan masa kerja yang kurang fleksibel menyebabkan kecenderungan ibu untuk menghentikan penyusuan apabila kembali bekerja (Amin et al., 2011).

Faktor sosio budaya seperti kepercayaan dan praktis dari ibu kandung, nenek, ibu mertua serta pasangan atau suami seperti pemberian air masak dan makanan pepejal kepada bayi terlalu awal, menyebabkan praktis penyusuan eksklusif tidak berjaya (Nsiah-Asamoah et al., 2020; Ratnayake & Rowel, 2018). Penemuan dari kajian ini mendapati perlunya menyediakan pengetahuan berkaitan praktis penyusuan eksklusif yang bersesuaian dengan praktis budaya masyarakat bukan sahaja kepada ibu malah kepada ahli keluarga yang terlibat dalam penjagaan ibu dan bayi semasa berpantang.

Kurangnya sokongan penyusuan menjadi punca ibu tidak meneruskan penyusuan secara eksklusif (Brown et al., 2016; Huang et al., 2017; Schindler-Ruwisch et al., 2018; Wagg et al., 2019). Faktor penyebab kurangnya sokongan disebabkan oleh kurangnya tahap pengetahuan pasangan (Susilawati, 2019) dan ahli keluarga mengenai penyusuan secara eksklusif (Ratnasari et al., 2017). Penemuan ini menunjukkan bahawa pengetahuan yang

kurang menjadi penghalang utama terhadap kemampuan pasangan dan keluarga untuk berfungsi dalam memberi sokongan terhadap penyusuan.

Petugas kesihatan yang kurang berdedikasi untuk mempromosi penyusuan (de Almeida et al., 2015) dan tidak mempunyai latihan yang mencukupi mengakibatkan kekurangan kemahiran dan pengetahuan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar yang betul berkaitan penyusuan (Garner et al., 2016; Nehring-Gugulska et al., 2015). Oleh sebab itu, maklumat yang tepat dan mencukupi berkaitan cara penyelesaian bagi setiap cabaran penyusuan yang dihadapi oleh ibu tidak dapat disampaikan dengan tepat.

Kekangan masa ibu bekerja akibat komitmen kerja dan persekitaran kerja yang sibuk (Rosin & Zakarija-Grković, 2016) menyebabkan kurangnya masa untuk ibu mendapatkan maklumat dan tunjuk ajar berkaitan praktis penyusuan daripada Petugas kesihatan secara bersemuka (Garner et al., 2016) seperti menghadiri kelas antenatal, kumpulan sokongan dan kaunseling penyusuan (Sinha et al., 2015). Oleh itu pentingnya strategi penyampaian maklumat yang mesra pengguna seperti mudah dicapai tanpa had masa dan boleh diulang mengikut keperluan.

Penggunaan teknologi maklumat mudah alih multimedia seperti program komputer, laman web atas talian telah dikenal pasti lebih berkesan dalam mempromosikan penyusuan susu ibu (Balogun et al., 2016; Diniz et al., 2019). Terdapat beberapa aplikasi mudah alih yang menyediakan maklumat berkaitan penyusuan susu ibu, iaitu *MomsPumpHere*, *Mam Lactation*, *LatchMe*, *FeedFinder*, *Baby places*, *MamaMap*, *Nursing Room SG* dan *MoomMae*, *LatchME*, *Mamava pump & nursing finder*, *Feed Finder*, *BabyPlaces*, *Breastfeeding tracker app*, *Mamma Baby* (Balogun et al., 2016; Wang

et al., 2018). Namun begitu, aplikasi ini hanya menyediakan maklumat yang spesifik sahaja (Jadual 2.1) dan menggunakan bahasa yang bersesuaian dengan populasi di negara tersebut.

Jadual 2.1: Kelebihan dan kekurangan aplikasi mudah alih yang tersedia

Aplikasi mudah alih	Kelebihan (Maklumat yang disediakan)	Kekurangan
<i>MomsPumpHere, Mam Lactation, LatchMe, MamaMap, Nursing Room SG</i>	Membantu ibu mencari tempat penyusuan awam yang berdekatan. Menyediakan system GPS? Google maps	Tidak menyediakan maklumat penuh berkaitan penyusuan susu ibu
MoomMae	Merekod penyusuan, masa mengepam, dan bilik penyusuan (membolehkan ibu mencari tempat penyusuan awam). Sistem pemberitahuan untuk mengingatkan waktu untuk pam susu	
LatchME, Mamava pump & nursing finder, Feed Finder, BabyPlaces, Breastfeeding tracker app, Mamma Baby	Merekod masa penyusuan bayi, waktu tidur, menukar lampin dan pertumbuhan bayi. Menyediakan sistem catitan diari	

Di Malaysia, maklumat berkaitan penyusuan susu ibu untuk orang awam hanya boleh dicapai secara atas talian melalui Portal MyHealth atau dikongsi melalui blog bebas. Setakat yang diketahui, belum wujud lagi aplikasi mudah alih berkenaan penyusuan susu ibu berbentuk modul pembelajaran lengkap dalam versi Bahasa Melayu.

Berdasarkan cabaran penyusuan yang dikenalpasti dari kajian lepas perlunya instrumen khusus untuk mengenalpasti dan menilai cabaran yang dihadapi oleh ibu bekerja berkaitan

praktis penyusuan dan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan praktis penyusuan dalam kalangan ibu bekerja. Oleh itu menjadi satu keperluan untuk membina satu alat sokongan khas iaitu aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi meningkatkan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja.

1.3 Kepentingan kajian

Tiga langkah diambil bagi menjawab kepada permasalahan kajian. Pertama, perlu untuk membangun soal selidik bagi menilai persepsi, sikap, cabaran, sokongan dan praktis penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja. Kedua perlu membangun modul pembelajaran sendiri penyusuan susu menggunakan aplikasi mudah alih. Pembangunan soal selidik dan aplikasi mudah alih mempunyai implikasi yang signifikan bagi kajian yang berkaitan dengan cabaran, sokongan dan praktis dalam penyusuan susu ibu terutama bagi ibu bekerja. Ketiga adalah perlu melaksanakan cadangan WHO (2001) untuk membangunkan intervensi yang berkesan bagi mempertingkatkan praktis penyusuan susu ibu secara eksklusif dalam kalangan ibu bekerja.

1.3.1 Kepentingan pembangunan soal selidik baru

Memandangkan tiada soal selidik yang disahkan khusus untuk menilai penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja, maka, melalui kajian ini satu set soal selidik baru dibangunkan khusus untuk menilai cabaran yang dihadapi oleh ibu bekerja dan sokongan yang diperlukan untuk meneruskan penyusuan secara eksklusif. Soal selidik menjadi satu alat

penilaian penting dalam aspek penyusuan susu ibu yang menyumbang untuk kajian akan datang khususnya di Malaysia.

Borang soal selidik khusus untuk menilai cabaran dan mengenalpasti sokongan sangat sesuai digunakan oleh Petugas kesihatan sebagai alat untuk menilai dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja dari aspek intrinsik seperti persepsi serta sikap dan serta faktor ekstrinsik seperti cabaran dan sokongan. Soal selidik ini diharap dapat membantu memudahkan kajian masa hadapan yang bertujuan untuk menganalisis dan menjelaskan konsep tertentu yang mempengaruhi praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja.

1.3.2 Kepentingan pembangunan bahan pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu

Pada masa ini, di Malaysia belum ada lagi bahan pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu khas untuk ibu bekerja dalam bentuk aplikasi mudah alih. Memandangkan ibu bekerja mempunyai masa yang terhad untuk mendapatkan maklumat penyusuan susu ibu, maka, dalam kajian ini satu aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu dibangunkan. Aplikasi ini penting bagi membantu ibu bekerja mendapatkan maklumat berkaitan penyusuan susu ibu.

1.3.3 Kepentingan melaksanakan cadangan WHO

Pelaksanaan kajian ini secara langsung mendokong cadangan oleh WHO (2001) untuk membangunkan intervensi yang berkesan bagi membantu mengatasi cabaran penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja. Oleh kerana itu, kandungan aplikasi mudah alih ini menyediakan maklumat penting berkaitan cabaran penyusuan serta cadangan penyelesaian.

Kajian ini mengenal pasti cabaran penyusuan yang dialami oleh ibu bekerja. Data daripada kajian ini sangat penting untuk dijadikan maklumat rujukan tentang cabaran penyusuan dan kaedah penyelesaian yang sesuai. Semoga penemuan dari kajian intervensi ini diharap dapat mempengaruhi kesejahteraan ibu bekerja yang menyusukan bayi, sesuai dengan cadangan WHO (2020) untuk memastikan setiap bayi menerima nutrisi yang secukupnya melalui penyusuan secara eksklusif untuk enam bulan pertama dan diteruskan sehingga usia dua tahun atau lebih.

1.4 Soalan kajian

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Adakah terdapat borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran, sokongan dan praktis ibu dalam penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja?
- (ii) Adakah borang soal selidik BRESWORK_Q instrumen yang sah dan boleh dipercayai dari segi psikometrik untuk mengukur tahap pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran, sokongan dan praktis ibu dalam penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja?
- (iii) Adakah terdapat modul aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu yang dapat membantu memberi panduan berkaitan penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja?
- (iv) Adakah modul aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja BRESWORK_Apps instrumen yang sah dan boleh dipercayai bagi membantu memberi panduan berkaitan penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja?
- (v) Adakah terdapat perbezaan skor min bagi pengetahuan, persepsi dan sikap tentang penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja antara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada usia kehamilan 35 minggu?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan dalam skor min (purata) bagi cabaran, sokongan dan praktis penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja diantara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada 4, 12 dan 24 minggu selepas bersalin?

- (vii) Adakah modul aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja BRESWORK_Apps merupakan instrumen yang berkesan dalam meningkatkan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja?

1.5 Objektif kajian

1.5.1 Objektif umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk membangunkan dan mengesahkan borang soal BRESWORK_Q serta membangunkan, mengesahkan modul aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri BRESWORK_Apps pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja serta menilai keberkesanan BRESWORK_Apps menggunakan BRESWORK_Q dalam meningkatkan praktis penyusuan dalam kalangan ibu bekerja.

1.5.2 Objektif khusus

Objektif khusus dalam kajian ini dibahagikan berdasarkan tiga fasa kajian seperti berikut:

Fasa 1:

- (i) Untuk membangunkan borang soal selidik penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja (BRESWORK_Q).
- (ii) Untuk mengesahkan borang soal selidik penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja (BRESWORK_Q).

Fasa 2:

- (iii) Untuk membangunkan modul aplikasi mudah alih BRESWORK_Apps pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja.

- (iv) Untuk mengesahkan modul aplikasi mudah alih BRESWORK_Apps pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja.

Fasa 3:

- (v) Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan sikap tentang penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja di antara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada usia kehamilan 35 minggu.
- (vi) Untuk menilai tahap cabaran, sokongan dan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja antara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada 4, dan 12 minggu selepas bersalin
- (vii) Untuk menilai tahap pengetahuan, persepsi dan sikap cabaran, sokongan dan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja antara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada 24 minggu selepas bersalin
- (viii) Untuk menilai keberkesanan intervensi menggunakan modul aplikasi mudah alih BRESWORK_Apps pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja dalam meningkatkan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja.

1.6 Hipotesis

Berikut adalah lima hipotesis kajian yang relevan dengan tiga fasa kajian ini:

- (i) Belum ada borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran, sokongan dan praktis ibu dalam penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja
- (ii) BRESWORK_Q merupakan instrumen sah dan boleh dipercayai dari segi psikometrik untuk mengukur tahap pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran, sokongan dan praktis ibu dalam penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja.
- (iii) Belum ada modul aplikasi mudah alih pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu yang dapat membantu memberi panduan berkaitan penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja.
- (iv) Perisian BRESWORK_Apps pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja adalah instrumen intervensi yang sah digunakan bagi membantu memberi panduan berkaitan penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja.
- (v) Tidak terdapat perbezaan antara skor min dalam pengetahuan, persepsi dan sikap tentang penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja diantara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada usia kehamilan 35 minggu dan ke atas.
- (vi) Tidak terdapat perbezaan antara skor min dalam cabaran, sokongan dan praktis penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja diantara kumpulan intervensi dan kumpulan kontrol pada 4, 12 dan 24 minggu selepas bersalin.

- (vii) Perisian BRESWORK_Apps pembelajaran mandiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja adalah instrumen yang berkesan dalam meningkatkan praktis penyusuan susu ibu dalam kalangan ibu bekerja.

1.7 Definisi istilah

Aplikasi mudah alih

Aplikasi mudah alih atau dikenali sebagai *Mobile Apps* merupakan program jenis perisian aplikasi kecil yang direka untuk berfungsi pada peringkat mudah alih seperti telefon pintar dan tablet yang boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Md. Rashedul, Md. Rofiqul & Tahidul Arafhin, 2010). Aplikasi mudah alih yang digunakan dalam kajian ini adalah telefon pintar.

Apps

Merupakan aplikasi yang dimuat turun oleh pengguna ke alat teknologi mudah alih yang direka untuk satu tujuan dan melaksanakan satu fungsi (Var, 2014). Apps boleh dimuat turun melalui aplikasi di Google Play bagi Android dan App Store Apple bagi iOS yang bertujuan untuk perniagaan, pendidikan, berkomunikasi, gaya hidup, pengiklanan, bersantai, berhibur dan bermain permainan (Rosul, 2020).

BRESWORK

Merupakan singkatan dari *breastfeeding working*. BRESWORK digunakan sebagai *trademark* kepada produk yang dibina dalam kajian ini

BRESWORK_Q

Satu set soal selidik khas untuk menilai persepsi, sikap, cabaran, sokongan dan praktis penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja. Soal selidik adalah instrumen utama untuk mengumpulkan data dalam kajian ini. BRESWORK_Q merupakan sekumpulan soalan

standard atau item digunakan untuk mengumpulkan data individu mengenai topik yang ingin dikaji (Lavrakas, 2008).

BRESWORK_Apps

Aplikasi mudah alih berbentuk modul pembelajaran sendiri penyusuan susu ibu bagi ibu bekerja yang boleh dimuat turun melalui *Google Play* dan *Apps Store Apple*. Modul ini menerangkan persediaan ibu sebelum penyusuan, semasa penyusuan, dan masalah berkaitan dengan penyusuan.

BRESWORK_Storyboard

Satu set paparan cerita yang merupakan skrip awal yang mengandungi susunan gambar dan teks yang membentuk arahan dan skrip visual untuk menjelaskan proses dalam persembahan penceritaan. BRESWORK_Storyboard digunakan sebagai panduan dan arahan dalam pembangunan BRESWORK_Apps

Ibu bekerja

Ibu yang bekerja di luar rumah untuk mencari pendapatan di samping pekerjaan yang mereka lakukan di rumah dalam membesarkan anak-anak mereka. Ibu bekerja menjalankan dua tanggungjawab serentak iaitu terhadap kerjaya dan tanggungjawab menjaga anak (Poduval, 2009).

Media sosial

Media sosial adalah aplikasi berasaskan internet yang membantu memudahkan perkongsian idea, fikiran dan maklumat melalui pembinaan rangkaian maya dan komuniti.